

**PERKAITAN ANTARA FAKTOR-FAKTOR KELUARGA DENGAN
AKTIVITI-AKTIVITI BIMBINGAN DAN KAUNSELING TERHADAP
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR: SATU KAJIAN KES**

YEE PUI LENG

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
(Program Kaunseling)
Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian
(Kaunseling)**

**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2005**

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Cik Amalia Madihie selaku penyelia projek. Beliau telah memberikan ulasan dan komen yang sangat baik dan membina kepada saya sehingga kajian ini dapat diterbitkan dengan lebih bermutu yang akan menjadi bahan rujukan kepada para pengkaji masa akan datang.

Jutaan terima kasih dan ucapan penghargaan juga diucapkan kepada ahli keluarga saya yang telah memberi dorongan dan sokongan kepada saya terutamanya dari segi semangat dan kos perbelanjaan untuk menjalankan kajian ini. Dengan adanya dorongan daripada mereka maka saya dapat menjalankan kajian ini dengan lebih bersemangat dan berkeyakinan walaupun menghadapi masalah atau cabaran semasa menjalankan kajian ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Omar yang telah membenarkan kajian ini dapat dijalankan dengan lancar di sekolah tersebut. Pihak sekolah telah memberikan komitmen dan cadangan yang sangat baik kepada saya semasa kajian ini dijalankan khususnya kaunselor dan guru-guru sekolah tersebut.

Tidak lupa saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Razali bin Othman dan tutor-tutor yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan cadangan yang baik kepada saya supaya kajian ini dapat dijalankan dengan lebih berjaya.

Ucapan terima kasih juga kepada semua rakan serta semua pihak yang telah membantu saya dalam menyempurnakan kajian ini. Khususnya Rowena Rimbu ak Igau, Noor Efendy bin Samih dan Noryurni Shahida binti Mohd Yusoff.

Sekiranya ada sebarang kelemahan terdapat dalam kajian ini adalah tanggungjawab saya. Akhir sekali, diharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkaitan dan sebagai panduan kepada para pengkaji yang selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	x
Abstrak	xi
<i>Abstract</i>	xii
BAB 1	PENDAHULUAN
1.0	Pengenalan 1
1.1	Objektif Kajian 6
1.1.1	Objektif am 6
1.1.2	Objektif khusus 6
1.2	Kenyataan Masalah 7
1.3	Hipotesis Kajian 9
1.4	Kepentingan Kajian 9
1.5	Definisi Konsep 10
1.5.1	Keluarga 10
1.5.2	Pencapaian akademik 11
1.5.3	Bimbingan 12
1.5.4	Kaunseling 12
1.5.5	Aktiviti bimbingan dan kaunseling 13
1.5.6	Guru bimbingan 14
1.6	Rangka Konsepsual 15
1.7	Limitasi Kajian 16
1.8	Kesimpulan 17
BAB 2	KAJIAN SEMULA PENULISAN
2.0	Pengenalan 19
2.1	Kajian-kajian Lepas 20
2.2	Kesimpulan 46
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN
3.0	Pengenalan 47
3.1	Reka Bentuk Kajian 47
3.2	Persampelan 48
3.3	Penganalisis Data 50

3.3.1	Statistik deskriptif	51
3.3.1.1	Skor tahap pencapaian akademik	51
3.3.1.2	Julat skor tahap pencapaian akademik	52
3.3.1.3	Skor min	53
3.3.2	Statistik Inferensi	54
3.3.2.1	Analisis pekali korelasi <i>Pearson</i>	54
3.3.2.1	Ujian- <i>t</i> dan ANOVA sehalu	55
3.4	Kesimpulan	56

BAB 4

	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.0	Pengenalan	57
4.1	Ciri-ciri Demografi	57
4.1.1	Taburan jantina responden	58
4.1.2	Taburan bangsa responden	58
4.2	Latar Belakang Keluarga Responden	59
4.2.1	Taburan lokasi tempat tinggal responden	59
4.2.2	Taburan jumlah tanggungan keluarga responden	60
4.2.3	Taburan kategori pekerjaan ibu bapa responden	61
4.2.4	Taburan anggaran pendapatan bulanan ibu bapa responden	62
4.2.5	Taburan pemilikan kenderaan keluarga responden	63
4.2.6	Taburan pemilikan rumah keluarga responden	65
4.2.7	Taburan bantuan kewangan responden	65
4.2.8	Taburan sumber perbelanjaan responden	66
4.3	Pencapaian Akademik	67
4.3.1	Pencapaian SPM responden	67
4.4	Aktiviti-aktiviti Bimbingan dan Kaunseling	68
4.4.1	Perbezaan tahap pencapaian akademik mengikut min ceramah motivasi	68

4.4.2	Perbezaan tahap pencapaian akademik mengikut min ceramah akademik	69
4.5	Dapatan Hipotesis	70
4.5.1	Hipotesis ₁ 1: Terdapat perkaitan signifikan antara jumlah tanggungan keluarga dengan pencapaian akademik pelajar.	71
4.5.2	Hipotesis ₁ 2: Terdapat perkaitan signifikan antara anggaran pendapatan bulanan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.	71
4.5.3	Hipotesis ₁ 3: Terdapat perbezaan signifikan pencapaian akademik antara jantina responden.	72
4.5.4	Hipotesis ₁ 4: Terdapat perbezaan signifikan pencapaian akademik antara lokasi tempat tinggal responden.	73
4.5.5	Hipotesis ₁ 5: Terdapat perbezaan signifikan pencapaian akademik antara kategori pekerjaan ibu bapa responden.	74
4.5	Kesimpulan	75
BAB 5	RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	77
5.1	Rumusan Kajian	77
5.2	Kesimpulan	80
5.3	Cadangan	82
	RUJUKAN	84
	LAMPIRAN 1 BORANG SOAL SELIDIK	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1 Formula pengukuran saiz minimum sampel	50
Jadual 2 Skor tahap pencapaian akademik	52
Jadual 3 Formula pengiraan julat skor tahap pencapaian akademik	53
Jadual 4 Julat skor tahap pencapaian akademik	53
Jadual 5 Formula pengiraan skor min	54
Jadual 6 Interpretasi nilai koefisien	55
Jadual 7 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan jantina	58
Jadual 8 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan bangsa	59
Jadual 9 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan lokasi tempat tinggal	60
Jadual 10 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan jumlah tanggungan keluarga	60
Jadual 11 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan kategori pekerjaan ibu	61

Jadual 12 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan kategori pekerjaan bapa	62
Jadual 13 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pendapatan bulanan ibu bapa	63
Jadual 14 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan keluarga yang memiliki kenderaan	64
Jadual 15 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan kategori kenderaan yang dimiliki keluarga	64
Jadual 16 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan pemilikan rumah yang dimiliki keluarga	65
Jadual 17 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan bantuan kewangan	66
Jadual 18 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan sumber perbelanjaan	66
Jadual 19 Taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan tahap pencapaian SPM	68
Jadual 20 Perbezaan tahap pencapaian akademik responden mengikut min ceramah motivasi	69
Jadual 21 Perbezaan tahap pencapaian akademik responden mengikut min ceramah akademik	70

Jadual 22 Korelasi <i>Pearson</i> antara faktor-faktor keluarga dengan pencapaian akademik pelajar	72
Jadual 23 Ujian- <i>t</i> angkuubah pencapaian akademik antara jantina responden	73
Jadual 24 Ujian- <i>t</i> angkuubah pencapaian akademik antara lokasi tempat tinggal responden	74
Jadual 25 ANOVA angkuubah pencapaian akademik pelajar antara kategori pekerjaan ibu bapa	75

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1 Perkaitan antara faktor-faktor keluarga dengan aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling terhadap pencapaian akademik pelajar.	15
Rajah 2 Model 1 mengenalpasti kesan faktor demografi terhadap pencapaian akademik pelajar. Model 2 mengenalpasti kesan status sosioekonomi (SES) terhadap pencapaian akademik pelajar. Model 3 mengenalpasti kesan status perkahwinan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar.	43

ABSTRAK

Perkaitan Antara Faktor-faktor Keluarga Dengan Aktiviti-aktiviti Bimbingan Dan Kaunseling Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian Kes

Yee Pui Leng

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan antara faktor-faktor keluarga (jumlah tanggungan keluarga, anggaran pendapatan bulanan ibu bapa, kategori pekerjaan ibu bapa dan lokasi tempat tinggal) dengan aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling (ceramah motivasi dan ceramah akademik) terhadap pencapaian akademik pelajar. Responden kajian ini adalah di kalangan pelajar Tingkatan Enam Rendah, Sekolah Menengah Dato' Syed Omar di Alor Star, Kedah yang melibatkan seramai 103 orang responden. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang dibentuk oleh Najib bin Endong dan juga telah dilulus oleh tiga orang pensyarah dari Fakulti Sains Sosial. Kaedah statistik deskriptif seperti frekuensi dan *crosstabs* digunakan untuk melihat peratusan bagi faktor-faktor demografi responden manakala kaedah inferensi digunakan untuk analisis korelasi *Pearson*, Ujian-*t* dan ANOVA sehala bagi menguji hipotesis kajian. Korelasi *Pearson* menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang negatif tetapi signifikan antara anggaran pendapatan bulanan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar. Keadaan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi anggaran pendapatan bulanan ibu bapa maka semakin tinggi pencapaian akademik pelajar di sekolah tersebut. Sebaliknya, korelasi *Pearson* telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara jumlah tanggungan keluarga dengan pencapaian akademik pelajar iaitu jumlah tanggungan keluarga tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Ujian-*t* menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan pencapaian akademik pelajar mengikut faktor jantina iaitu faktor jantina tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. ANOVA sehala pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan dalam pencapaian akademik pelajar berdasarkan lokasi tempat tinggal. Keadaan ini telah menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar yang tinggal di kawasan bandar adalah lebih baik daripada para pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar. Hal ini kerana pelajar di kawasan bandar lebih mudah mendapat kemudahan dan sumber pembelajaran berbanding pelajar di kawasan luar bandar. Sebaliknya, ANOVA sehala telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan dalam pencapaian akademik pelajar berdasarkan kategori pekerjaan ibu bapa iaitu faktor pekerjaan ibu bapa tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Tambahan pula, dapatan kajian turut membuktikan terdapat perbezaan dalam pencapaian akademik pelajar berdasarkan ceramah motivasi dan ceramah akademik. Kesimpulannya, terdapat perkaitan antara beberapa faktor keluarga dengan aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling terhadap pencapaian akademik.

ABSTRACT

The Relationship Between Family Factors And Guidance With Counselling Activities Towards Students' Academic Achievement: A Case Study

Yee Pui Leng

Objectively, this research was to determine the correlation between family factors (amount of family's financial burden, parents' average monthly salary, parents' work category and residing location) with guidance and counselling activities (motivational and academic talks) towards the students' academic achievement. The respondents for this research were Lower Six students of Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Omar in Alor Star, Kedah where 103 respondents were involved. The instrument for this research was a set of questionnaire built by Najib bin Endong and three lecturers from Faculty of Sciences Social approved the questionnaire. Descriptive statistics such as frequency and crosstabs were used to calculate the percentages for demographic factors. Inferential statistics method such as Pearson Correlation, t-test and One-Way ANOVA were used to analyze the research's hypotheses. Pearson Correlation indicated that there was a negative relationship and significant relationship between parents' average monthly salary and students' academic achievement. This showed that the higher parents' average monthly salary, the higher students' academic achievement will be. However, Pearson Correlation indicated that there was no significant relationship between family's financial burden and students' academic achievement, which meant that the amount of family's financial burden did not influence students' academic achievement. T-test indicated that there was no significant difference in students' academic achievement based on gender factors, where gender factors did not influence students' academic achievement. One-Way ANOVA showed that there was a significant difference in students' academic achievement based on their residing location. This indicated that the academic achievement for students who lived in urban area was better than the students who lived in rural area. The urban students have an easier access infrastructure and reading sources compared to students in rural area. However, One-Way ANOVA indicated that there was no significant difference in students' academic achievement based on parents' work category, which was parents' work factors have no influence on students' academic achievement. In addition, results from this research prove that there was a difference in students' academic achievement based on motivational and academic talks. In conclusion, there are correlations between several of the family factors with the guidance and counselling activities towards students' academic achievement.

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Keluarga merupakan satu sistem sosial yang paling asas yang wujud dalam kehidupan manusia. Sistem keluarga amat penting bagi sesebuah negara. Jika tidak ada keluarga maka tidak wujud negara. Hal ini disebabkan sistem keluarga merupakan tapak asas bagi menubuhkan sesebuah negara. Keluarga merupakan satu faktor yang dapat mempengaruhi seseorang individu mencapai kejayaan dalam kerjaya serta kehidupan dan seterusnya memberi sumbangan dan perkhidmatan kepada negara.

Keluarga merupakan satu unit sosial yang tulen. Menurut Goode (dalam T. Marimuthu, 1994), dalam sebuah keluarga sekurang-kurangnya harus mempunyai dua orang dewasa yang berlainan jantina tinggal bersama. Mereka menjalankan tugas yang berlainan iaitu dari aspek pembahagian tugas. Mereka mempunyai pekerjaan iaitu terlibat dalam bidang ekonomi dan sosial untuk satu sama lain.

Selain itu, mereka saling berkongsi beberapa perkara untuk menjalankan kehidupan bersama seperti makanan, seks, tempat kediaman, barang-barang dan juga aktiviti sosial. Ciri-ciri keluarga juga bermaksud bahawa terdapat pertalian antara ibu bapa dengan anak; ibu bapa berhak mempunyai kuasa ke atas anak serta ibu bapa dan anak saling bertanggungjawab untuk perlindungan, kerjasama dan pengasuhan. Di samping itu, terdapat pertalian saudara kandung di kalangan anak serta perasaan tanggungjawab untuk saling melindungi dan membantu di antara satu sama lain.

Keluarga dan sekolah memainkan peranan yang amat penting dalam usaha membina dan membimbing para pelajar mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pendidikan iaitu pencapaian akademik. Keluarga asas dianggotai oleh pasangan suami isteri serta anak merupakan bentuk keluarga yang paling lazim pada masa ini. Dalam sistem keluarga terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Antaranya ialah jumlah tanggungan keluarga, anggaran pendapatan bulanan ibu bapa, lokasi tempat tinggal dan kategori pekerjaan ibu bapa.

Sekolah merupakan sebuah institusi sosial yang formal yang diwujudkan oleh masyarakat dan bertujuan untuk menyalurkan norma dan nilai-nilai masyarakat kepada anak muda. Dalam proses persekolahan, para pelajar dapat mempelajari ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai, sikap, pandangan dan pengalaman tertentu terhadap masyarakat melalui sistem pendidikan dalam jangka masa tertentu (T. Marimuthu, 1994).

Pencapaian akademik pelajar akan merosot jika tanpa sokongan daripada keluarga. Menurut pakar psikologi Murray. H (dalam T. Marimuthu, 1994), mentakrifkan pencapaian sebagai satu kecenderungan dan keinginan untuk mengatasi segala rintangan serta menggunakan kuasa untuk cuba melakukan perkara yang sukar dengan usaha yang lebih tekun, cepat dan baik yang mungkin.

Menurut kajian Zakaria B. Osman (1996) tentang hubungan faktor latar belakang dan komitmen ibu bapa dengan pencapaian matematik pelajar. Responden ialah para pelajar tingkatan empat daripada lima belas buah sekolah menengah di daerah Kota Star, Kedah. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat lima belas pembolehubah yang mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian matematik pada aras keertian 0.05. Tiga daripadanya mewakili faktor latar belakang ibu bapa manakala dua belas pembolehubah lain mewakili faktor komitmen ibu bapa. Pembolehubah latar belakang ibu bapa ialah taraf pendidikan ibu, taraf pendidikan bapa dan jumlah pendapatan keluarga. Pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk menjalani kajian tersebut.

Menurut kajian Folger, J.K., Astin, H.S. dan Bayer, A.E., (dalam Henderson, A.D. dan Henderson, J.G., 1974) di Amerika Syarikat terdapat satu kajian lanjutan terhadap para pelajar *senior* di sekolah tinggi pada tahun 1960, menunjukkan bahawa terdapat 90 peratus daripada lepasan sekolah dalam kumpulan berkebolehan tinggi dan mempunyai status sosioekonomi yang tinggi menghadiri maktab dan universiti, hanya 69 peratus lelaki dan 52 peratus perempuan dalam kumpulan yang berkebolehan tinggi dan berstatus rendah dalam sosioekonomi. Sebaliknya para pelajar daripada kumpulan yang berkebolehan

rendah terdapat 40 peratus daripada mereka adalah berstatus sosioekonomi yang tinggi dan hanya 10 peratus adalah terdiri daripada pelajar yang berasal daripada keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah.

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dan sumbangannya terhadap kejayaan akademik anak telah dikaji sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Antaranya ialah berkaitan dengan peranan ibu bapa dalam pendidikan. Pena (2000, p.42) telah mendapati bahawa semua jenis pendekatan seperti temuramah, tinjauan, pemerhatian dan kaedah analisis yang lain terhadap aktiviti ibu bapa menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa adalah dipengaruhi beberapa faktor. Pengkaji menyatakan bahawa antara faktor-faktor utama ialah bahasa, taraf pendidikan ibu bapa, sikap kakitangan sekolah, budaya, isu keluarga dan beberapa faktor tersembunyi. Faktor-faktor ini jelas diketahui pentadbir sekolah dan para guru tetapi tidak ramai yang mengetahui bahawa kesan pengaruh faktor-faktor ini terhadap penglibatan ibu bapa adalah sangat serius. Para pengkaji berharap agar dapat meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak sekaligus mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar melalui pemahaman tentang faktor-faktor tersebut. Menurut Berita Utusan pada 7 Oktober 2004 yang dinyatakan oleh Roslah Othman, kanak-kanak yang mendapat dorongan dan tindak balas yang terbaik daripada ibu bapa dapat memupuk keupayaan mereka untuk berjaya dalam kehidupan mereka.

Kajian tentang tahap sosial mempengaruhi pencapaian akademik pelajar telah dikaji oleh Kristin E. Voelkl, John W. Welte dan William F. Wieczorek, (1999). Kajian ini dijalankan di kalangan remaja golongan African American di

antara umur 16 tahun hingga 19 tahun. Hasil kajiannya ialah pencapaian akademik berbanding dengan remaja kulit putih lebih baik berbanding dengan remaja kulit hitam. Menurut Jencks (dalam T. Marimuthu, 1994), beberapa kajian yang telah dijalankan di Amerika telah mendapati bahawa setengah daripada perbezaan dalam pencapaian akademik pelajar adalah berpunca daripada faktor latar belakang keluarga.

Hj. Ibrahim bin Yon (1984) mendapati bahawa para pelajar sekolah menengah di luar bandar sangat memerlukan khidmat guru bimbingan sepenuh masa untuk membimbing mereka. Hal ini disebabkan para pelajar adalah daripada keluarga petani. Ibu bapa terlalu sibuk dan tidak berpendidikan tinggi. Jadi ibu bapa tersebut kurang pengetahuan dan tidak mengikuti perkembangan akademik anak-anak. Selain itu, ibu bapa juga tidak mampu menyediakan bahan bacaan dan alatan yang secukupnya kepada anak-anak. Keadaan ini juga menyebabkan para pelajar tersebut lebih cenderung kepada aktiviti-aktiviti yang kurang berfaedah seperti bersempang, menangkap burung atau binatang yang lain dan berenang. Hal ini dapat diatasi dengan mempunyai guru-guru bimbingan sepenuh masa di sekolah menengah di luar bandar kerana mereka dapat mengatur rancangan dan aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk mambantu para pelajar meningkatkan potensi dari aspek pencapaian akademik. Keadaan ini telah membuktikan bahawa para pelajar daripada keluarga yang miskin dan ibu bapa tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

1.1 Objektif Kajian

1.1.1 Objektif am

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perkaitan antara faktor-faktor keluarga dengan aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling terhadap pencapaian akademik pelajar. Faktor-faktor keluarga dari segi sosioekonomi akan mempengaruhi pencapaian akademik ialah jumlah tanggungan keluarga, anggaran pendapatan bulanan ibu bapa, lokasi tempat tinggal dan kategori pekerjaan ibu bapa serta faktor-faktor demografi yang saling berhubung dengan faktor-faktor keluarga ialah jantina dan bangsa. Selain itu, kajian ini juga mengkaji tentang hubungan antara aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling terhadap pencapaian akademik pelajar seperti ceramah motivasi dan ceramah akademik.

1.1.2 Objektif khusus

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan :

1. Untuk menentukan perkaitan antara jumlah tanggungan keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar.
2. Untuk menentukan perkaitan antara anggaran pendapatan bulanan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar.
3. Untuk membandingkan pencapaian akademik pelajar mengikut jantina.
4. Untuk membandingkan pencapaian akademik pelajar mengikut lokasi tempat tinggal.

5. Untuk membandingkan pencapaian akademik pelajar mengikut kategori pekerjaan ibu bapa.

1.2 Kenyataan Masalah

Sejak kebelakangan ini, pihak kerajaan dan masyarakat amat mengambil berat terhadap isu akademik pelajar. Melalui laporan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) yang dinyatakan dalam Berita Harian pada tahun 2001, pencapaian akademik di kalangan pelajar lelaki yang dikatakan lebih rendah berbanding perempuan dalam persaingan memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Terdapat beberapa pihak memberikan komen bahawa konsep peperiksaan sedia ada yang lebih menjurus kepada bentuk tumpuan dan hafalan, jelas lebih memihak kepada kesesuaian pelajar perempuan. Menurut Prof Dr Hassan Said (dalam Berita Harian, 2001), menyiarkan Laporan Khas mengenai senario bilangan pelajar perempuan yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan umum dan memasuki IPTA semakin meningkat malah mengatasi pelajar lelaki. Berdasarkan statistik pelajar universiti berkenaan mengikut sesi pengajian dan jantina dari tahun 1998 hingga tahun 2000, peratusan perempuan adalah lebih tinggi daripada lelaki dengan lingkungan nisbah 60:40. Pada tahun 2000, statistik sesi pengambilan pertama (Disember 1999-April 2000) serta sesi pengambilan kedua (Jun-November 2000) mencatatkan bilangan kemasukan pelajar perempuan terus mengatasi dengan 56.0 peratus berbanding dengan 44.0 peratus lelaki diikuti 57.1 peratus perempuan berbanding 42.9 peratus lelaki.

Selain itu, faktor sosioekonomi juga mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Para pelajar yang berasal daripada keluarga miskin dan berpendapatan rendah mempunyai pencapaian akademik yang rendah terutamanya dari segi penguasaan mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains. Hal ini disebabkan keluarga miskin dan berpendapatan rendah tidak mampu memberi kemudahan untuk belajar kepada anak-anak belajar dalam situasi yang lebih selesa dan sesuai. Di samping itu, ibu bapa juga tidak mampu menghantar anak-anak ke pusat tuisyen untuk memperbaiki kelemahan mata pelajaran anak-anak. Keadaan ini juga telah menyebabkan anak-anak terpaksa belajar berkongsi segala kemudahan bersama dengan adik-beradik yang lain semasa belajar di rumah (Najib B. Endong, 2002).

Pelajar merupakan aset negara yang bermutu pada masa hadapan. Aset ini perlu dibimbing dengan baik supaya pelajar membawa harapan dan pembangunan kepada negara pada masa akan datang. Namun, golongan pelajar yang tidak dapat pendidikan yang sempurna adalah sukar bagi pihak pendidikan yang hendak membentuk pelajar menjadi insan yang berguna dan berkualiti. Selain itu, terdapat peningkatan bilangan pelajar gagal meneruskan pelajaran akibat masalah keluarga yang terdiri daripada faktor sosioekonomi dari segi pendapatan keluarga, pekerjaan ibu bapa dan saiz keluarga. Jadi perkhidmatan serta aktiviti bimbingan dan kaunseling juga penting dalam memainkan peranan untuk mengatasi masalah ini.

1.3 Hipotesis Kajian

- Hipotesis Alternatif 1 Terdapat perkaitan signifikan antara jumlah tanggungan keluarga dengan pencapaian akademik pelajar.
- Hipotesis Alternatif 2 Terdapat perkaitan signifikan antara anggaran pendapatan bulanan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar.
- Hipotesis Alternatif 3 Terdapat perbezaan signifikan pencapaian akademik mengikut jantina.
- Hipotesis Alternatif 4 Terdapat perbezaan signifikan pencapaian akademik pelajar mengikut lokasi tempat tinggal.
- Hipotesis Alternatif 5 Terdapat perbezaan signifikan pencapaian akademik pelajar mengikut kategori pekerjaan ibu bapa.

1.4 Kepentingan Kajian

Sejak kebelakangan ini, pihak kerajaan dan masyarakat semakin mengambil berat terhadap isu akademik pelajar. Ini disebabkan masyarakat sekarang perlu mempunyai sijil-sijil yang berkualiti untuk memohon pekerjaan. Semakin banyak pusat tuisyen dan sekolah ditubuhkan untuk mendidik dan membimbing para pelajar supaya mendapat pencapaian yang cemerlang dalam akademik serta mencapai kejayaan.

Kajian ini dijalankan untuk membantu masyarakat lebih memahami serta mengetahui tentang betapa pentingnya hubungan keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar. Selain itu, kajian ini juga dapat membolehkan masyarakat memahami tentang kesan faktor keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian ini juga penting kerana dapat membantu pakar bidang pendidikan dalam mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar supaya dapat mencari

penyelesaian dan strategi yang lebih efektif untuk membantu para pelajar yang bermasalah terutamanya di kawasan luar bandar. Kajian ini lebih menegaskan kepada faktor keluarga dari segi sosioekonomi akan mempengaruhi pencapaian akademik para pelajar.

Di samping itu, aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling dapat memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar di sekolah seperti ceramah motivasi dan ceramah akademik yang dianjurkan oleh guru-guru dari unit bimbingan dan kaunseling di sekolah. Para pelajar boleh mendapat maklumat mengenai pemilihan mata pelajaran pilihan, kerjaya dan institusi pelajaran supaya boleh membuat keputusan yang bijak terhadap masa depan mereka. Selain itu, aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling ini juga dapat memberi dorongan dan semangat kepada para pelajar serta kesedaran terhadap kelebihan dan kelemahan diri sendiri dalam pencapaian akademik.

1.5 Definisi Konsep

1.5.1 Keluarga

Konsepsual : Pada zaman dahulu keluarga itu adalah satu golongan yang lebih besar daripada keluarga moden sekarang. Kebanyakan keluarga terdiri daripada beberapa keluarga atau anak yang belum kahwin yang hidup bersama-sama pada suatu tempat, diketuai oleh seorang ketua keluarga yang dinamakan *patriach* di kalangan bangsa Yunani (Bouman, P. J., 1997). Selain itu, keluarga juga terdiri daripada dua struktur utama iaitu keluarga asas atau nuklear dan

keluarga luas atau *extended*. Keluarga asas terdiri daripada suami, isteri dan anak sahaja manakala keluarga luas termasuk juga ahli-ahli keluarga yang lain seperti saudara mara, datuk, nenek, sepupu dan lain-lain lagi yang tinggal dalam satu rumah yang sama (T. Marimuthu, 1994).

Operasional : Dalam kajian ini, keluarga adalah dua atau lebih individu yang mempunyai hubungan darah atau perkahwinan yang saling berkongsi perasaan di antara ahli antara satu sama lain.

1.5.2 Pencapaian akademik

Konsepsual : Dalam konteks pembelajaran, pencapaian bermaksud keputusan peperiksaan yang diperolehi oleh pelajar mengikut peringkat persekolahan, kaum, jurusan, lokasi, kajian, negeri, dan wilayah (T. Marimuthu, 1990). Menurut Kerlinger (dalam Najid bin Endong, 2002), pencapaian akademik ialah markah yang diperolehi oleh pelajar dalam sesuatu peperiksaan umum atau ujian.

Operasional : Dalam kajian ini, pencapaian akademik boleh didefinisikan sebagai keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) gred yang diperolehi oleh pelajar di sekolah berdasarkan gred tujuh subjek atau mata pelajaran yang terbaik. Pencapaian akademik pelajar juga dapat dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling di sekolah.

1.5.3 Bimbingan

Konsepsual : Bimbingan ialah satu perkhidmatan memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada individu untuk menyelesaikan masalahnya sendiri (Zulkifli Yusuf, 1988). Menurut Crow & Crow (dalam Zulkifli Yusuf, 1988), bimbingan juga bermaksud sebagai satu bantuan yang diberikan oleh seseorang yang memiliki kelayakan atau keupayaan dari segi peribadi atau pendidikan kepada individu untuk menolongnya membuat keputusan dan mengatasi masalahnya serta menanggung risiko masalah tersebut.

Operasional : Dalam kajian ini, bimbingan ialah satu proses pengajaran yang memberi maklumat dan khidmat bimbingan kepada para pelajar oleh kaunselor sekolah supaya para pelajar dapat belajar sesuatu yang baru dan menggunakannya untuk mempertingkatkan pencapaian akademik.

1.5.4 Kaunseling

Konsepsual : Menurut Hajjah Rahimah Abdul Rahman (2003), kaunseling ialah satu proses membantu manusia. Menurut Patterson (dalam Shertzer, B. & Sone, S. C., 1980), kaunseling juga ialah satu urusan untuk mempengaruhi perubahan tingkah laku seseorang secara sukarela. Kaunseling juga merupakan satu proses menolong yang melibatkan tiga bidang utama iaitu (a) perasaan dan pemikiran seseorang pada masa sekarang (*here & now*), (b) pemikiran dan perasaan seseorang yang ingin dicapainya pada masa sekarang dan (c) jika terdapat ketidaksesuaian antara (a) dan (b) maka harus mengambil langkah yang sesuai untuk mengatasi ketidaksesuaian tersebut (Zulkifli Yusuf, 1988).

Operasional : Dalam kajian ini, kaunseling ialah proses bertemu muka secara perseorangan di antara kaunselor dengan klien. Hubungan profesional antara kaunselor dengan klien adalah untuk membantu klien memahami pandangan dan menjelaskan masalah akademik dan belajar mencapai matlamat dan mencuba beberapa pilihan melalui penyelesaian masalah akademik, emosi atau hubungan interpersonal.

1.5.5 Aktiviti bimbingan dan kaunseling

Konsepsual : Menurut Ibrahim bin Taib (dalam Zulkifli Yusuf, 1988), aktiviti bimbingan dan kaunseling meliputi perundingan, kaunseling individu, kaunseling kelompok, sesi bimbingan, program kaunseling dan pengujian kaunseling yang dapat membantu individu dalam pelbagai masalah. Selain itu, aktiviti-aktiviti bimbingan dan kaunseling juga boleh dikategorikan kepada lapan jenis iaitu bimbingan dan kaunseling kerjaya, bimbingan dan kaunseling akademik, bimbingan dan kaunseling sosial, kaunseling peribadi, kaunseling keluarga, pendidikan pencegahan dadah, perkhidmatan rujukan dan konsultasi, pengumpulan data dan inventori pelajar (Mizan Adiliah, 1993).

Operasional : Aktiviti bimbingan dan kaunseling ialah aktiviti yang dapat membantu para pelajar menyedari tentang kelebihan dan kelemahan diri serta memberi motivasi kepada para pelajar supaya dapat mencari langkah-langkah yang sesuai dan berkesan untuk mempertingkatkan pencapaian akademik.